



24 JUN, 2025

## USIM, TNB pasang sistem solar

Kosmo, Malaysia



# USIM ,TNB pasang sistem solar

- Pemasangan sistem solar untuk penjimatan tenaga
- Pelaburan terhadap masa depan lestari negara

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

**SEREMBAN** – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus memperkukuh komitmen terhadap agenda kelestarian negara dengan memeterai Perjanjian Pembekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE) bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan GSPARX Sdn. Bhd.

Melalui kerjasama ini, USIM bakal melaksanakan pemasangan sistem solar berkapasiti 5.5MWp yang dijangka memberikan penjimatan bil elektrik sehingga RM350,000 untuk tahun pertama.

Langkah strategik yang sekali gus merupakan usaha peralihan tenaga bersih di institusi penga-



DR. Sharifudin (tiga dari kiri) bersama barisan kepimpinan TNB, USIM dan GSPARX hadir dalam Majlis Menandatangani Perjanjian SARE di Seremban semalam.

jian tinggi itu turut menyumbang secara langsung kepada pengurangan jejak karbon (carbon footprint) universiti.

Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md. Shaarani berkata, projek ini bukan sekadar pelaburan kepada infrastruktur kampus, tetapi pelaburan terhadap masa depan lestari negara.

"Ia juga membuka ruang ke-

pada inovasi, penyelidikan dan pembelajaran dalam bidang tenaga boleh diperbaharui di USIM.

"Projek ini unik kerana dilaksanakan secara Zero CAPEX Solar Solution, iaitu tanpa sebarang kos awal dari pihak universiti. Sebanyak 80 peratus sistem solar akan dipasang di kawasan terbuka kampus seperti parkir, manakala 20 peratus lagi di atas

bumbung bangunan", ujarnya selepas majlis berlangsung di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Bahagian Retail TNB, Kamal Arifin A. Rahman, berkata, pemasangan panel solar ini berpotensi mengurangkan sebanyak 3,696 tan metrik karbon dioksida setiap tahun.

"TNB, melalui anak syarikat milik penuhnya, GSPARX,

komited sepenuhnya untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek yang dijangka siap dalam tempoh 12 bulan.

"Usaha ini juga merupakan sebahagian daripada pelan peralihan tenaga TNB bagi menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) untuk mencapai sasaran 70 peratus kapasiti tenaga boleh baharu dan sifar bersih karbon menjelang 2050," katanya.

Majlis turut diserikan dengan gimik pelancaran sebagai simbolik permulaan rasmi projek, menandakan langkah besar USIM dalam mendepani cabaran perubahan iklim dan mendukung aspirasi Dasar Tenaga Negara 2022–2040 serta Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara.

Dengan kolaborasi ini, USIM bukan sahaja mencatat satu lagi kejayaan strategik, malah terus memacu peranannya sebagai peneraju universiti Islam mampan dan berdaya saing di persada global.